

31 JUL 1996

Austria-Bosnia (bergambar)

AUSTRIA SANJUNGI PERANAN MALAYSIA DALAM PBB

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Austria yakin isu Bosnia akan ditangani dengan jayanya pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan datang yang akan dipengerusikan oleh Malaysia.

Canselor Austria Dr Franz Vranitzky berkata Malaysia merupakan penyokong kuat proses perdamaian di Bosnia.

"Austria akan bekerjasama dalam proses perdamaian ini," kata beliau pada persidangan akhbar di sini di hari kedua lawatan empat harinya ke Malaysia bermula semalam.

Malaysia akan mempengerusikan Perhimpunan Agung PBB ke 51 pada Oktober ini.

Vranitzky telah membincangkan soal perdamaian di Bosnia dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

Menurutnya pendekatan Austria terhadap masalah itu membabitkan tiga peringkat termasuk menyumbang tenteranya kepada pasukan pelaksana (IFOR), walaupun anggotanya tidak sebanyak yang disediakan oleh Malaysia.

Austria juga menyumbang wang untuk membina semula kemudahan asas Bosnia khususnya sistem lalu lintas, persekolahan, hospital dan menyediakan peluang pekerjaan.

Ia turut menyokong langkah membawa pulang pelarian perang Bosnia yang tidak dapat kembali ke tanah air.

Sebanyak 18,000 orang mencari perlindungan di Austria sejak tiga tahun lepas.

Vranitzky juga berkata negaranya sedia membantu rakyat Malaysia yang ingin mempelajari industri pelancongan Austria yang bergantung kepada sumber air dan mata air.

Mengenai hubungan Asia-Eropah, beliau berkata kedua-dua pihak perlu mengatasi isu-isu secara yang tidak menimbulkan perbalahan walaupun mereka mempunyai pendapat berbeza-beza. -- BERNAMA

AZZ MAI